



Headline: 680 warga China ditahan, 100 lolos
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 22 November 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 8

Sindiket penipuan dalam talian



Khairul Dzaimie (tiga dari kiri) memeriksa barang rampasan pada sidang media di Putrajaya, semalam.



Sebahagian warganegara China yang ditahan dalam serbuan di Cyberjaya, baru-baru ini. (Foto LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

680 warga China ditahan, 100 lolos

+Sindiket jadikan bangunan 6 tingkat dilengkapi sistem keselamatan ketat sebagai pusat operasi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Risikan selama sebulan ke atas sebuah premis yang dilengkapi sistem keselamatan di sebuah bangunan enam tingkat di Cyberjaya, mendedahkan aktiviti sindiket penipuan dalam talian membabitkan warga China.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata premis yang disewa pada harga RM360,000 sebulan itu berfungsi sebagai pusat panggilan dan dilengkapi ciri keselamatan ketat, menggunakan kad akses serta rangkaian kamera litar tertutup bagi memantau pergerakan keluar masuk selain dijaga pengawal keselamatan.

Beliau berkata, hasil serbuan membabitkan 150 pegawai dan anggota Imigresen pada jam 11 pagi kelmarin, membawa kepada

penahanan 680 warganegara China berusia 19 hingga 35 tahun, serta rampasan 8,230 unit telefon bimbit, 174 unit komputer riba, dan 787 unit komputer peribadi.

“Modus operandi sindiket itu adalah menyasarkan mangsa di China dengan menawarkan keuntungan tinggi dan pantas.

“Sindiket ini membuat penipuan dalam semua pelaburan tidak sah, termasuk Forex,” kata-

Sindiket ini membuat penipuan dalam semua pelaburan tidak sah, termasuk Forex.

Khairul Dzaimie Daud,
Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen

nya pada sidang media di sini, semalam.

Khairul Dzaimie berkata, semua operator yang berpangkalan di Cyberjaya, akan menghantar satu kod melalui aplikasi khas kepada pelanggan dari laman web tertentu menggunakan bahasa Cina.

Katanya, semua urusan niaga dan pembayaran dilakukan melalui WeChat Pay atau bank di China.

“Ketika serbuan dilakukan, kira-kira 100 orang sempat melarikan diri dengan merempuh kepungan menyebabkan ada antara mereka yang tercedera.

“Siasatan awal mendapati semua mereka tinggal di negara ini menggunakan pas lawatan sosial dan antara kesalahan dikenal pasti adalah melanggar syarat pas, selain masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pas yang sah serta tinggal lebih masa,” katanya.

PENIPUAN PELABURAN DALAM TALIAN

- Operator mencari mangsa warga China melalui we chat, hantar mesej menawarkan pelaburan menguntungkan dalam masa singkat
- Mangsa yang berminat diminta untuk membuat pindahan wang melalui 'we chat pay' atau bank di China
- Mangsa perlu membayar paling minimum RM100 untuk membeli saham sebelum pelaburan dibuat
- Mangsa tunggu sehari sama ada saham yang dibeli naik atau turun. Jika untung komisen akan diberikan

INFO OPERATOR
• Gaji bulanan RM2,500 dan menerima komisen antara RM 7,000 sehingga RM5,000
• Seseorang operator perlu mengendalikn 6 telefon bimbit bagi mencari mangsa melalui wechat

dakan penyitaan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) terhadap barang rampasan akan dijalankan untuk tujuan siasatan.

“Kita akan mengesan individu di belakang syarikat yang terbabit dan menyalurkan maklumat berkaitan kepada Bank Negara Malaysia (BNM), polis, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM),” katanya.

Khairul Dzaimie berkata, semua 680 warga China terbabit kini direman selama 14 hari bermula kelmarin, hampir semua yang ditahan tidak dapat mengemukakan pasport serta tiada wakil mereka yang hadir bagi mengemukakan dokumen berkenaan.

Beliau berkata, Jabatan Imigresen sudah memaklumkan Kedutaan China di Malaysia, berhubung penahanan itu dan tin-